

FAKTOR KEMUDAHERANCAMAN MULTIDIMENSI BAGI KUMPULAN B40 DI WILAYAH KELANTAN SELATAN

MULTIDIMENSIONAL VULNERABILITY FACTORS OF B40 GROUP IN SOUTHERN REGION OF KELANTAN

Nor Zuriati Amani Ab Rani¹, Rospidah Ghazali^{2*} and Mohd Khairi Ismail³

¹Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA (Kelantan Branch), Kelantan, MALAYSIA

²Institute for Environment and Development, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, MALAYSIA

³Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA (Terengganu Branch), Terengganu, MALAYSIA

*Corresponding author: rospidah@ukm.edu.my

To cite this article: Nor Zuriati Amani Ab Rani, Rospidah Ghazali and Mohd Khairi Ismail. 2022. Faktor kemudahterancaman multidimensi bagi kumpulan B40 di Wilayah Kelantan Selatan. *Kajian Malaysia* 40(1): 157–178. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.8>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.8>

ABSTRACT

Vulnerability means a sense of insecurity resulting from exposure to the threat of the effects of social and environmental changes. The inability to adapt to such changes puts external environmental pressures and uncertain risks on households and communities. The purpose of this study is to identify the multidimensional vulnerability factors of B40 households in the southern region of Kelantan. The respondents consist of 385 heads of B40 households. Data collection was conducted face-to-face through questionnaires. Data were analysed using exploratory factor analysis. The results of the study found that B40 households face multidimensional vulnerability in terms of economic, social/physical and environmental vulnerabilities. The three components of economic vulnerability factors are (1) job and source of income loss, (2) rising prices and production costs, and (3) lack of capital and marketing. Meanwhile, social/physical and environmental vulnerabilities are explained by one component factor only. In conclusion, B40 households in the southern region of Kelantan need to diversify their income portfolio and not rely on one source of income only. They also need to take precautions against seasonal and environmental changes that will

threaten and affect their daily activities. This study can be expanded by using other multidimensional aspects of vulnerability, such as health, market, politics, demographics and agricultural vulnerabilities. The study may also involve M40 and T20 households as respondents for future studies.

Keywords: vulnerability, sustainability livelihood, B40, exploratory factor analysis

ABSTRAK

Kemudahterancaman bermaksud rasa kurang selamat akibat keterdedahan terhadap ancaman hasil kesan daripada perubahan sosial dan alam sekitar. Ketidakupayaan untuk mengadaptasi terhadap perubahan tersebut memberi tekanan persekitaran luaran dan risiko yang tidak menentu ke atas isi rumah dan masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor kemudahterancaman multidimensi isi rumah B40 di Wilayah Kelantan Selatan. Responden terdiri daripada ketua isi rumah B40 seramai 385 orang. Pengumpulan data menggunakan instrumen soal selidik melalui kaedah bersemuka. Data dianalisis menggunakan analisis faktor penerokaan. Hasil dapatan kajian mendapati isi rumah B40 berhadapan dengan kemudahterancaman multidimensi daripada aspek kemudahterancaman ekonomi, sosial/fizikal dan alam sekitar. Tiga komponen faktor kemudahterancaman ekonomi ialah (1) kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan, (2) kenaikan harga dan kos pengeluaran serta (3) kekurangan modal dan pemasaran. Manakala kemudahterancaman sosial/fizikal dan alam sekitar dijelaskan oleh satu komponen faktor sahaja. Kesimpulannya, isi rumah B40 di Wilayah Kelantan Selatan perlu mempelbagaikan portfolio pendapatan dan tidak bergantung kepada satu sumber pendapatan sahaja. Mereka juga perlu mengambil langkah berjaga-jaga untuk menangani perubahan musim dan alam sekitar yang mengancam dan menjejaskan aktiviti harian mereka. Kajian ini boleh diperluaskan dengan menggunakan aspek kemudahterancaman multidimensi yang lain seperti kemudahterancaman kesihatan, pasaran, politik, demografi dan pertanian. Kajian ini juga boleh melibatkan isi rumah M40 dan T20 sebagai responden pada masa hadapan.

Kata kunci: kemudahterancaman, kelestarian penghidupan, B40, analisis faktor penerokaan

PENGENALAN

Isi rumah B40 berhadapan dengan kemudahterancaman multidimensi. Kemudahterancaman didefinisikan sebagai keterdedahan terhadap kerosakan atau kesakitan kesan berlakunya perubahan sosial dan alam sekitar serta ketidakupayaan untuk beradaptasi terhadap perubahan tersebut (Adger 2006). Perubahan persekitaran luaran dan risiko yang tidak menentu menyebabkan isi rumah mudah terdedah kepada risiko bahaya (kemudahterancaman) yang menjejaskan kehidupan mereka. Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) (2011–2015), RMK-11 (2011–2015), RMK-11 (2016–2020) dan Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 memberi tumpuan khusus kepada agenda meningkatkan taraf hidup kumpulan B40. Kumpulan B40 didefinisikan sebagai kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah daripada keseluruhan isi rumah dengan had pendapatan kasar bulanan ialah RM4,360.00 dan ke bawah pada tahun 2016 (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi 2019). Pada tahun 2016, statistik menunjukkan negeri Kelantan mencatatkan pendapatan purata isi rumah paling rendah berbanding negeri lain (Kementerian Pembangunan Luar Bandar 2018). Laporan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2019 mendapati pendapatan purata isi rumah di Kelantan ialah RM4,874 lebih rendah daripada pendapatan isi rumah purata nasional iaitu RM7,901. Manakala pendapatan isi rumah penengah di Kelantan ialah RM3,563 iaitu lebih rendah daripada pendapatan penengah nasional iaitu RM5,873 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2020). Had pendapatan isi rumah B40 di Kelantan ialah RM3,030 dan ke bawah berbanding had pendapatan B40 di Malaysia iaitu RM4,850 dan ke bawah. Jumlah bilangan isi rumah B40 di Kelantan ialah seramai 229,945 orang pada tahun 2019 (*ibid.*).

Ketidakseimbangan wilayah di Kelantan menyebabkan kerajaan memberikan perhatian khusus kepada wilayah ini. Wilayah Kelantan Selatan (WKS) merupakan kawasan luar bandar yang masih ketinggalan daripada aspek pembangunan. Antara faktor yang menyumbang kepada masalah ini ialah kedudukannya yang jauh dari pusat pentadbiran negeri iaitu Kota Bharu. Perkara ini telah membataskan pelaksanaan program pembangunan iaitu kemudahan infrastruktur asas dan sosial masih berada di tahap minimum berbanding jajahan-jajahan Wilayah Kelantan Utara. Taburan penduduk yang berselerak, pembangunan yang perlahan, taraf pendidikan penduduk yang rendah, kekurangan akses perhubungan, masih banyak kawasan tidak menerima bekalan air bersih, bekalan elektrik tidak stabil dan akses kemudahan kesihatan yang rendah telah menyumbang kepada faktor-faktor kemunduran di WKS (KESEDAR 2013). Hal ini menyebabkan kerajaan berhadapan kesukaran untuk membangunkan sosioekonomi penduduk di WKS. Penglibatan hampir 80% isi rumah dalam sektor pertanian yang tidak produktif menyebabkan penduduk di WKS memperoleh pendapatan rendah (*ibid.*). Oleh

itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti faktor kemudahterancaman multidimensi bagi isi rumah B40 di WKS.

KAJIAN LITERATUR

Isi rumah yang memperoleh pendapatan rendah cenderung berhadapan dengan kemudahterancaman multidimensi daripada aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar (Rospidah 2017; Mohd Khairi et al. 2019). Perbincangan kemudahterancaman di dalam kerangka penghidupan lestari telah dipelopori oleh Chambers dan Conway (1992), Scoones (1998) dan Department for International Development (1999). Kemudahterancaman dibincangkan dalam tiga bentuk iaitu (1) kemudahterancaman berbentuk kejutan seperti kematian isi rumah secara tiba-tiba, kemarau, bencana alam, konflik dan peperangan, kemalangan, kenaikan harga barangan dan penurunan nilai mata wang; (2) kemudahterancaman berbentuk trend merangkumi penurunan hasil pengeluaran, penurunan harga hasil pertanian, perubahan populasi, penyakit dan kenaikan kos pengeluaran; dan (3) kemudahterancaman berbentuk bermusim iaitu kenaikan harga barangan, pengeluaran, kesihatan dan peluang pekerjaan. Serrat (2008) menyatakan kemudahterancaman berhadapan dengan dua keadaan iaitu faktor luaran (kejutan, bermusim, keadaan trend jangka masa) dan faktor dalaman. Faktor luaran kejutan ialah seperti konflik, kesakitan, banjir, ribut, kemarau, serangan penyakit tanaman dan serangga perosak, manakala faktor luaran bermusim ialah seperti harga dan peluang pekerjaan. Keadaan faktor luaran trend jangka masa merujuk kepada demografi, alam sekitar, ekonomi dan trend teknologi. Menurut Rospidah (2017), kumpulan B40 berhadapan dengan kemudahterancaman multidimensi seperti kebergantungan terhadap satu punca pendapatan, kos sara hidup tinggi, ketidakmampuan pemilikan rumah, kadar keberhutangan tinggi dan kekurangan pemilikan serta akses terhadap aset-aset penghidupan.

Hasil kajian Mohd Khairi et al. (2019) mendapati tiga faktor kemudahterancaman ekonomi disebabkan kehilangan punca pendapatan dan pekerjaan utama, kemusnahan hasil tanaman iaitu tanaman getah, sayur-sayuran dan ternakan serta kejatuhan harga tanaman atau tanaman komoditi. Mustaffa et al. (2012) menyatakan kemudahterancaman boleh berlaku pada bila-bila masa seperti fenomena peningkatan kos sara hidup, peningkatan harga minyak bagi pengangkutan dan masalah harga pasaran yang tidak menentu terhadap barangan dan peralatan pengeluaran pertanian, perikanan dan penternakan. Muhammad, Siwar dan Rospidah (2016) menyatakan faktor perubahan ekonomi disebabkan oleh kos barangan input, kekurangan akses terhadap modal, pelaksanaan pemasaran dan pembayaran semula pinjaman.

Selain faktor ekonomi, faktor kemudahterancaman sosial dan fizikal juga menjejaskan kehidupan isi rumah. Mohd Khairi et al. (2019) mendapati keadaan fizikal rumah yang sempit atau buruk, kekurangan kelengkapan dan peralatan rumah, kekurangan kemudahan asas seperti surau, tadika dan kedai, masalah jaringan perhubungan, masalah penagihan dadah, masalah ponteng sekolah dan kerohanian merupakan faktor kemudahterancaman sosial dan fizikal bagi penduduk luar bandar. Mustaffa et al. (2012) mendapati jenayah kecurian ke atas hasil pertanian dan ternakan menjejaskan sumber pendapatan isi rumah. Menurut Muhammad, Siwar dan Rospidah (2016) serta Rospidah (2017), faktor kemudahterancaman sosial dipengaruhi oleh pengetahuan dan kemahiran isi rumah dalam mendapatkan maklumat, memperoleh kemudahan akses pendidikan dan kesihatan serta hubungan kerjasama antara jiran dan masyarakat.

Moser dan McIlwaine (1997) menjelaskan kemudahterancaman merujuk kepada kesejahteraan isi rumah yang tidak selamat akibat perubahan persekitaran yang boleh mengancam kebajikan isi rumah. Ahmad Zubir dan Siwar (2017) menyatakan golongan petani yang berpendapatan rendah terdedah kepada bencana alam yang menjejaskan pendapatan. Perubahan musim terutamanya musim tengkujuh telah menyebabkan isi rumah terdedah kepada risiko keselamatan diri akibat ribut yang melanda, aktiviti menoreh getah dan berkebun terhenti, ternakan dan tumbuhan dijangkiti penyakit, kemusnahan harta benda dan rumah, masalah kesihatan dan psikologi, kehilangan sumber pendapatan serta menyumbang kepada masalah hubungan dengan ahli keluarga dan kejiranan (Mustaffa et al. 2012; Muhammad, Siwar dan Rospidah 2016; Noremy et al. 2017; Mohd Khairi et al. 2019).

METODOLOGI

Populasi dan Sampel Kajian

Responden kajian merupakan ketua isi rumah B40 di WKS. Penentuan responden melalui kaedah persampelan rawak berstrata disebabkan ciri-ciri isi rumah daripada etnik Melayu, beragama Islam dan bekerja di sektor pertanian. Populasi kajian seramai 208,053 orang melibatkan empat jajahan iaitu jajahan Gua Musang (44,307 orang), Kuala Krai (89,215 orang), Tanah Merah (23,663 orang) dan Jeli (50,868 orang) (KESEDAR 2013). Sebanyak 400 borang soal selidik diedarkan kepada 400 orang responden. Bagaimanapun, setelah borang soal selidik diedarkan, hanya 385 borang (96.25%) sahaja yang lengkap diisi dan dikembalikan semula manakala 15 borang (3.75%) tidak lengkap diisi oleh responden. Oleh itu, kajian ini mengambil kira hanya 385 orang responden sahaja sebagai sampel kajian. Kajian mengambil sampel yang melebihi penentuan saiz iaitu 383 (Creative

Research Systems n.d.) dengan aras keyakinan 95% dan ralat persampelan 5% supaya lebih mewakili populasi dan memperoleh hasil dapatan kajian yang lebih baik serta dapat mengurangkan ralat persampelan (Wan Mohd Zaifurin et al. 2015; Sidek 2002; Mohd Shaffie 1995). Bilangan sampel melebihi daripada sampel yang diperlukan juga mengambil kira kadar tindak balas responden, pemulangan semula borang dan kelengkapan maklumat borang soal selidik (Gorard 2003). Pecahan sampel kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pecahan sampel kajian mengikut jajahan

Jajahan	Populasi	Peratusan	Sampel kajian
Gua Musang	44,307	21.3	82
Kuala Krai	89,215	42.9	165
Tanah Merah	23,663	11.4	44
Jeli	50,868	24.4	94
Jumlah	208,053	100.0	385

Sumber: KESEDAR (2013).

Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah melalui kaedah bersemuka menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu profil responden dan faktor kemudahterancaman. Latar belakang responden mengandungi soalan tentang jantina, umur, agama, bangsa, status perkahwinan, pekerjaan utama dan pendapatan. Manakala bahagian faktor kemudahterancaman mengandungi soalan berbentuk Likert menggunakan lima skala interval dari 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju) bagi setiap pernyataan item. Pemboleh ubah bagi faktor kemudahterancaman diubah suai daripada sumber kajian lepas mengikut kesesuaian objektif kajian dan diperolehi daripada hasil perbincangan dengan pihak Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) iaitu sebuah agensi yang ditubuhkan pada 1978 yang bertujuan mengimbangi komposisi penduduk antara Kelantan Selatan dengan Kelantan Utara, membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Senarai pemboleh ubah faktor kemudahterancaman seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Pemboleh ubah faktor kemudahterancaman isi rumah B40 di WKS

Faktor	Kod	Indikator (diubah suai daripada kajian lepas)	Sumber rujukan
Ekonomi	EK1	Ancaman kehilangan pekerjaan (utama/sampingan)	Mohd Khairi et al. (2019); Rospidah (2017); Mustafa et al. (2012); Serrat (2008); Department for International Development (1999)
	EK2	Ancaman kehilangan punca pendapatan	Ibid.
	EK3	Ancaman kenaikan harga barang keperluan asas/ makanan	Rospidah (2017); Radin Firdaus et al. (2014); Mustafa et al. (2012); Department for International Development (1999)
	EK4	Ancaman kos input pekerjaan (utama/sampingan) meningkat	Muhammad, Siwar dan Rospidah (2016); Radin Firdaus et al. (2014); Mustafa et al. (2012)
	EK5	Ancaman pelaksanaan GST* bagi kos pengeluaran/ pekerjaan (R)	Kajian lapangan (2018)
	EK6	Ancaman kekurangan modal bagi mengembangkan pekerjaan	Muhammad, Siwar dan Rospidah (2016); Mustafa et al. (2012)
	EK7	Ancaman kerosakan peralatan pekerjaan (utama/sampingan) yang kerap	Mustafa et al. (2012)
	EK8	Ancaman kesukaran memasarkan/mempromosikan barangan	Muhammad, Siwar dan Rospidah (2016); KESEDAR (2013); Mustafa et al. (2012)
	EK9	Ancaman persaingan dalam pekerjaan/perniagaan	Mustafa et al. (2012)
	EK10	Ancaman kesukaran membayar semula pinjaman (kewangan/ bukan kewangan)	Rospidah (2017); Muhammad, Siwar dan Rospidah (2016); Mustafa et al. (2012); Nathen, Selvaratnam dan Norlaila (2011)
Sosial/ fizikal	SF1	Sikap rendah diri dan motivasi diri dalam melaksanakan pekerjaan (utama/sampingan)	Noremy et al. (2017)
	SF2	Ancaman emosi (R) berpunca daripada masalah keluarga.	Nathen, Selvaratnam dan Norlaila (2011)
	SF3	Masalah kejiranan/masyarakat.	Muhammad, Siwar dan Rospidah (2016); Mustafa et al. (2012)

(Bersambung)

Jadual 2: (Sambungan)


Faktor	Kod	Indikator (diubah suai daripada kajian lepas)	Sumber rujukan
	SF4	Ancaman kesihatan yang menjejaskan pekerjaan (utama/sampingan)	Rospidah (2017); Muhammad, Siwar dan Rospidah (2016); Mustaffa (2016); Mustaffa et al. (2012); Nathen, Selvaratnam dan Norlaila (2011); Department for International Development (1999)
	SF5	Ancaman jenayah (seperti kecurian, penagihan dadah) di kawasan penempatan/ pekerjaan	Muyambo, Jordaan dan Bahta (2017); Mustaffa et al. (2012); Nathen, Selvaratnam dan Norlaila (2011)
	SF6	Ancaman kemudahan asas yang tidak lengkap dan mencukupi	Mohd Khairi et al. (2019); Mustaffa et al. (2012); Nathen, Selvaratnam dan Norlaila (2011)
Alam Sekitar	AS1	Ancaman cuaca (ribut, kemarau, tengkujuh) yang menjejaskan hasil pendapatan (R)	Mohd Khairi et al. (2019); Muyambo, Jordaan dan Bahta (2017); Noremy et al. (2017); Ahmad Zubir dan Siwar (2017); Muhammad, Siwar dan Rospidah (2016); Mustaffa (2016); Radin Firdaus et al. (2014); Mustaffa et al. (2012); Serrat (2008); Department for International Development (1999)
	AS2	Ancaman banjir di kawasan penempatan (R)	Mohd Khairi et al. (2019); Muhammad, Siwar dan Rospidah (2016); KESEDAR (2013); Serrat (2008)
	AS3	Ancaman serangan penyakit tanaman/ternakan bagi pengeluaran tanaman/ternakan	Mohd Khairi et al. (2019); Muyambo, Jordaan dan Bahta (2017); Muhammad, Siwar dan Rospidah (2016); KESEDAR (2013); Mustaffa et al. (2012); Serrat (2008); Department for International Development (1999)
	AS4	Ancaman alam sekitar yang mengganggu aktiviti harian (R) dan keluarga	Mustaffa et al. (2012)

Nota: *Pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (*goods and services tax*, GST) dilaksanakan pada tahun 2015 hingga 2018. GST kemudian diganti dengan cukai jualan dan perkhidmatan pada tahun 2019; R = responden.

Kawasan Kajian

Kajian dijalankan di WKS yang meliputi tiga perempat daripada Kelantan dengan keluasan 1.234 juta hektar merangkumi jajahan Gua Musang (797,977 hektar), jajahan Kuala Krai (235,689 hektar), jajahan Jeli (128,304 hektar) dan sebahagian

jajahan Tanah Merah (72,273 hektar) (KESEDAR 2013). Rajah 1 menunjukkan peta kawasan kajian.



Rajah 1: Peta negeri Kelantan dan WKS.

Taraf pembangunan kawasan di WKS lebih rendah daripada Kelantan Utara apabila kemudahan asas seperti sekolah rendah, sekolah menengah, tadika awam, tadika swasta, pusat kesihatan awam dan pusat kesihatan swasta masih berada pada jarak lebih 9 km dari kediaman isi rumah. Peratusan isi rumah dengan jarak melebihi 9 km bagi kesihatan awam di Gua Musang ialah 5.9%, Kuala Krai (6.6%), Jeli (5.5%) dan Tanah Merah (1.7%) manakala jarak melebihi dari 9 km bagi kesihatan swasta di Gua Musang (35.2%), Kuala Krai (40%), Jeli (25.3%) dan Tanah Merah (10.9%) (Jabatan Perangkaan Malaysia 2019).

Kaedah Analisis

Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22.0 melibatkan analisis faktor penerokaan. Analisis faktor penerokaan merupakan teknik multivariat bagi mengurangkan faktor supaya menjadi beberapa set pemboleh ubah yang lebih kecil. Teknik ini digunakan untuk meneroka set data yang besar untuk menghasilkan satu set pemboleh ubah yang dikenali sebagai faktor agar dapat diinterpretasi dengan lebih mudah dan bermakna (Fauzi, Jamal dan Mohd Saifoul 2014; Hair et al. 2014; 2010; Yong dan Pearce 2013). Terdapat tiga peringkat dalam prosedur analisis faktor iaitu mengenal pasti korelasi antara faktor, mengekstrak faktor dan memutar faktor (Chua 2009). Nilai

item yang mempunyai korelasi yang tinggi diletakkan dalam suatu konstruk yang sama manakala nilai item korelasi yang rendah dalam konstruk yang berbeza. Nilai keseragaman (*communality*) bagi mengekstrak faktor menunjukkan nilai 0 tidak menyumbang kepada perubahan varian manakala nilai 1 menyumbang sebanyak 100% perubahan varian keseluruhan. Pemutaran faktor dikategorikan mengikut ciri-ciri yang sama atau komponen yang sama dan menyingkirkan item yang tidak relevan (Hair et al. 2010; Zainudin 2018). Jadual 3 menunjukkan indeks *goodness-of-fit* analisis faktor penerokaan.

Jadual 3: Indeks *goodness-of-fit* analisis faktor penerokaan

Indeks analisis faktor penerokaan	Nilai yang dicadangkan	Sumber rujukan
Ujian <i>Bartlett's test of sphericity</i> (sig < 0.05)	< 0.05	Hair et al. (2014); Fauzi, Jamal dan Mohd Saifoul (2014); Yong dan Pearce (2013)
Ujian kecukupan sampel Keiser-Meyer-Olkin (KMO)	> 0.60 > 0.50	Fauzi, Jamal dan Mohd Saifoul (2014); Yong dan Pearce (2013); Zainudin (2018)
Nilai faktor muatan (<i>loading factor</i>)	≥ 0.50	Hair et al. (2014); Singh, Puzziawati dan Teoh (2009)
Nilai keseragaman (<i>communality</i>)	≥ 0.30	Hair et al. (2014); Tabachnick dan Fidell (2007)
Nilai Eigen	≥ 1.00	Hair et al. (2014); Fauzi, Jamal dan Mohd Saifoul (2014); Singh, Puzziawati dan Teoh (2009)
Nilai peratus perubahan varian	Melebihi 60%	Hair et al. (2014); Zainudin (2012)

Analisis kebolehpercayaan ditentukan melalui nilai Cronbach's alpha. Nilai yang melebihi 0.60 menunjukkan semakin tinggi kebolehpercayaan, manakala nilai kurang daripada 0.60 dianggap rendah dan tidak boleh diterima (Sekaran dan Bougie 2009).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Profil Responden

Hasil kajian dalam Jadual 4 mendapati majoriti responden ialah lelaki iaitu 75.8%. Kebanyakan responden berumur di antara 41 tahun sehingga 50 tahun dengan peratusan sebanyak 36.1%. Purata umur responden ialah 50.82 tahun manakala minimum umur ialah 22 tahun dan maksimum umur responden ialah 77 tahun.

Dapatan kajian mendapati kesemua responden berbangsa Melayu dan beragama Islam. Majoriti responden sudah berkahwin iaitu 91.2%, belum berkahwin sebanyak 3.6% dan lain-lain iaitu ibu tunggal dan duda sebanyak 5.2%. Pekerjaan utama majoriti responden ialah penoreh getah iaitu 42.1% dan 57.9% terlibat dalam pekerjaan sebagai buruh, bekerja sendiri, berniaga, pemandu, guru al-Quran dan guru agama, pemandu, mekanik, pengawal keselamatan, pesara dan peneroka.

Pendapatan bulanan isi rumah B40 di WKS berada antara RM1,001 hingga RM2,000 (51.4%). Pendapatan ini merangkumi pendapatan pekerjaan utama, pendapatan pekerjaan sampingan dan sumber-sumber pendapatan lain seperti pendapatan pasangan, bantuan pendidikan, hasil sewa tanah, bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan BR1M.¹ Pendapatan isi rumah seterusnya diikuti responden yang memperoleh pendapatan antara RM501 hingga RM1,000 (24.2%), pendapatan RM2,001 hingga RM3,000 (14.3%), pendapatan RM3,001 hingga RM4,000 (7.2%) dan hanya 3.1% yang berpendapatan kurang daripada RM501. Pendapatan minimum responden ialah RM287.50 manakala pendapatan maksimum sebanyak RM3,857.50. Purata pendapatan isi rumah B40 di WKS pula ialah RM1,520.66. Hasil kajian mendapati pendapatan isi rumah B40 berada di bawah daripada pendapatan B40 yang telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu RM4,360. Oleh yang demikian, majoriti responden B40 di WKS adalah berpendapatan rendah.

Jadual 4: Profil demografi responden

Profil demografi		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	292	75.8
	Perempuan	93	24.2
Umur	21–30	14	3.6
	31–40	48	12.5
	41–50	139	36.1
	51–60	97	25.2
	61 ke atas	87	22.6
	Agama	Islam	385
Bangsa	Melayu	385	100.0
Status perkahwinan	Berkahwin	351	91.2
	Belum berkahwin	14	3.6
	Lain-lain	20	5.2
	Penoreh getah	162	42.1
	Berniaga	50	13.0

(Bersambung)

Jadual 4: (Sambungan)

Profil demografi		Bilangan	Peratus
Pekerjaan utama	Buruh	42	10.9
	Bekerja sendiri	21	5.5
	Pengawal keselamatan	12	3.1
	Peneroka	12	3.1
	Pesara	11	2.9
	Pemandu	10	2.6
	Nelayan/petani/penternak	6	1.6
	Mekanik	6	1.6
	Guru	5	1.3
	Lain-lain	48	12.5
Pendapatan	< RM501	14	3.1
	RM501–RM1,000	87	24.2
	RM1,001–RM2,000	200	51.4
	RM2,001–RM3,000	57	14.3
	RM3,001–RM4,000	27	7.2

Sumber: Kajian lapangan (2018).

Analisis Faktor Penerokaan

Analisis faktor penerokaan mendapati hasil ujian KMO bagi faktor kemudahterancaman ditunjukkan berdasarkan Jadual 5. Nilai ujian KMO bagi ketiga-tiga faktor kemudahterancaman di WKS adalah melebihi daripada 0.7 dan menepati syarat yang ditetapkan iaitu 0.6 (Fauzi, Jamal dan Mohd Saifoul 2014; Yong dan Pearce 2013; Zainudin 2012). Nilai KMO bagi kemudahterancaman ekonomi (0.815), kemudahterancaman sosial/fizikal (0.828) dan kemudahterancaman alam sekitar (0.748). Hasil ujian *Barlett's test of sphericity* pula adalah signifikan bagi faktor kemudahterancaman ekonomi, sosial/fizikal dan alam sekitar iaitu nilai $p < 0.05$. Hasil ini menunjukkan bahawa korelasi antara item memadai untuk analisis faktor.

Jadual 5: Ujian KMO dan *Bartlett's test of sphericity* bagi kemudahterancaman ekonomi, sosial/fizikal dan alam sekitar isi rumah B40 di WKS

Faktor kemudahterancaman	KMO (<i>measure of sampling adequacy</i>)	<i>Bartlett's test of sphericity</i>		
		<i>Approx. Chi-square</i>	<i>df</i>	<i>Sig.</i>
Ekonomi	0.815	1,981.870	45	0.000
Sosial/fizikal	0.828	902.910	15	0.000
Alam sekitar	0.748	594.085	6	0.000

Peratus varian yang diterangkan (*total variance explained*) dalam Jadual 6 menunjukkan faktor kemudahterancaman ekonomi mempunyai tiga komponen dengan nilai Eigen berada pada nilai antara 1.219 hingga 4.529. Nilai varian bagi komponen 1 (29.138%), komponen 2 (23.522%) dan komponen 3 (19.821%), masing-masing. Jumlah keseluruhan varian bagi mengukur faktor kemudahterancaman ekonomi sebanyak 72.481%. Faktor kemudahterancaman sosial/fizikal dan alam sekitar hanya mempunyai satu komponen sahaja dengan nilai Eigen 3.363 dan 2.617. Nilai keseluruhan varian bagi komponen kemudahterancaman sosial/fizikal ialah 56.044% dan nilai keseluruhan varian bagi komponen kemudahterancaman alam sekitar ialah 65.424%.

Jadual 6: Peratus varian yang diterangkan (*total variance explained*) bagi kemudahterancaman ekonomi, sosial/fizikal dan alam sekitar bagi isi rumah B40 di WKS

Pemboleh ubah	Komponen	<i>Extraction sums of squared loadings</i>			<i>Rotation sums of squared loadings</i>		
		Jumlah	% Varian	% Berkumpul	Jumlah	% Varian	% Berkumpul
Ekonomi	1	4.529	45.286	45.286	2.914	29.138	29.138
	2	1.501	15.009	60.295	2.352	23.522	52.661
	3	1.219	12.186	12.186	1.982	19.821	72.481
Sosial/fizikal	1				3.363	56.044	56.044
Alam sekitar	1				2.617	65.424	65.424

Faktor Kemudahterancaman Ekonomi

Berdasarkan Jadual 7, hasil kajian mendapati faktor kemudahterancaman ekonomi mempunyai tiga komponen iaitu komponen 1 merujuk kepada EK1 dan EK2. Nilai pengaruh yang paling tinggi ialah EK1 (0.918) dan EK2 (0.901). Komponen 1 boleh dikelaskan kepada faktor kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan. Menurut Rospidah (2017), pergantungan isi rumah kepada satu punca pendapatan menjadikan isi rumah mudah terdedah terhadap kejutan dan tekanan yang berpotensi

menjejaskan kehidupan mereka. Pekerja yang kehilangan pekerjaan terutamanya yang telah berkeluarga berhadapan kesukaran untuk meneruskan kehidupan kesan kehilangan pendapatan (Mohd Khairi et al. 2019; Mustafa et al. 2012). Keadaan mereka lebih tertekan sekiranya mereka mempunyai komitmen kewangan bulanan seperti sewa beli kereta, rumah dan lain-lain perbelanjaan. Komponen 2 merujuk kepada EK3, EK4 dan EK5. Nilai pengaruh yang tertinggi bagi komponen ini ialah EK3 (0.836), diikuti EK5 (0.780) dan EK4 (0.747). Komponen 2 boleh dikelaskan kepada faktor kenaikan harga dan kos pengeluaran. Faktor kenaikan harga adalah disebabkan faktor luaran bermusim (Serrat 2008; Department for International Development 1999). Kenaikan harga barangan menyebabkan isi rumah B40 di WKS terjejas dan mudah terancam berikutan kebanyakan mereka terlibat dalam aktiviti pertanian. Sekiranya kos input pengeluaran meningkat, kos ini akan mengurangkan pengeluaran dan akhirnya memberi kesan kepada pengurangan hasil pendapatan (Mustafa et al. 2012; Muhammad, Siwar dan Rospidah 2016). Hasil pendapatan yang rendah menyukarkan isi rumah untuk mendapatkan keperluan asas. Pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan bagi kos pengeluaran dan kenaikan harga barang keperluan asas seperti makanan memberi kesan yang besar terhadap isi rumah dan menyebabkan mereka mudah terancam.

Komponen 3 merujuk kepada EK6, EK7, EK8, EK9 dan EK10. Nilai yang paling tinggi adalah EK 8 (0.846) diikuti EK9 (0.782), EK6 (0.751), EK7 (0.669) dan EK10 (0.620). Komponen ini dikelaskan kepada faktor kekurangan modal dan pemasaran. Kekurangan modal dalam mengembangkan pekerjaan akan menyebabkan isi rumah B40 di WKS terjejas. Perkara ini memberi kesan dalam aktiviti pemasaran barangan dan perkhidmatan. Kerosakan peralatan yang kerap juga mengurangkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan (Mustafa et al. 2012). Kekurangan pengeluaran menyebabkan isi rumah memperoleh pendapatan yang rendah dan berhadapan dengan keadaan yang mudah terancam. Muhammad, Siwar dan Rospidah (2016) menyatakan akses modal yang mudah, kos input yang sesuai dengan output, dasar/strategi pemasaran yang menguntungkan serta kemampuan dalam mengembalikan pinjaman yang baik mampu meningkatkan pendapatan petani. Namun, sekiranya terdapat kesukaran untuk mengakses modal, kos input dan output yang tidak setanding, dasar/strategi pemasaran yang tidak menguntungkan serta tidak mampu mengembalikan pinjaman secara baik boleh menjadi faktor kemudahterancam.

Faktor Kemudahterancam Sosial/Fizikal

Faktor kemudahterancam sosial/fizikal di Jadual 7 menunjukkan satu komponen sahaja iaitu nilai SF2 merupakan nilai yang tertinggi iaitu 0.830. Nilai SF2 merupakan nilai yang paling mempengaruhi sosial/fizikal iaitu ancaman emosi

yang berpunca daripada masalah keluarga. Hubungan kekeluargaan, hubungan kemasyarakatan dan penglibatan dalam organisasi dan aktiviti sosial merupakan modal sosial. Modal sosial penting bagi isi rumah menangani kemerosotan taraf kehidupan (Moser 1998). Modal sosial membantu seseorang individu menjalinkan hubungan dengan pasaran, kerajaan dan masyarakat bagi membolehkan akses kepada sumber (Bebbington 1999). Masalah kejiranan (SF3) menyebabkan kegagalan individu membina jaringan dan perhubungan dengan kerajaan, pasaran, masyarakat dan kekeluargaan. Perkara ini mempengaruhi akses kepada jaringan tersebut terutama dalam membantu mempertahankan kehidupan mereka. Selain itu, peningkatan kadar jenayah (SF5) juga menyebabkan isi rumah terdedah kepada risiko bahaya dan sekali gus menyebabkan mereka hidup dalam ketakutan. Kesan jenayah juga mempengaruhi aktiviti penjana pendapatan isi rumah (Mohd Khairi et al. 2019; Mustaffa et al. 2012; Nathen, Selvaratnam dan Norlaila 2011). Masalah kesihatan (SF4) juga dikaitkan dengan kemudahterancaman sosial/fizikal di WKS. Mereka yang berhadapan dengan masalah kesihatan seperti diabetes, masalah tekanan yang melampau (hipertensi) dan masalah jantung didapati tidak pernah menghadiri ceramah berkenaan dengan kepentingan penjagaan kesihatan (Ahmad Zubir et al. 2018).

Faktor Kemudahterancaman Alam Sekitar

Faktor kemudahterancaman alam sekitar bagi isi rumah B40 di WKS mempunyai hanya satu komponen iaitu AS1 (0.744), AS2 (0.776), AS3 (0.850) dan AS4 (0.859). Pengaruh kemudahterancaman alam sekitar yang tertinggi ialah AS4 iaitu ancaman alam sekitar mengganggu aktiviti harian isi rumah dan keluarga. Kesan daripada bencana yang dihadapi menyebabkan hasil pendapatan yang diperoleh terjejas (Mohd Khairi et al. 2019; Ahmad Zubir dan Siwar 2017; Mustaffa et al. 2012). Kebergantungan kepada pendapatan daripada sumber utama semata-mata menyumbang kepada golongan berpendapatan rendah terperangkap ke dalam golongan mudah terjejas dan terancam (Rospidah 2017). Kesan perubahan iklim dan kerapnya berlaku banjir di musim hujan menyebabkan suhu dirasakan semakin panas, berlakunya serangan penyakit dan serangan perosak tanaman yang semakin meningkat (Mohd Khairi et al. 2019; Noremy et al. 2017; Muhammad, Siwar dan Rospidah 2016; Mustaffa et al. 2012).

Jadual 7: Komponen faktor kemudahterancaman ekonomi, sosial/fizikal dan alam sekitar bagi isi rumah B40 di WKS

Faktor	Kod	Item	1	2	3
Ekonomi	EK1	Ancaman kehilangan pekerjaan (utama/ sampingan)			0.918
	EK2	Ancaman kehilangan punca pendapatan			0.901
	EK3	Ancaman kenaikan harga barang keperluan asas/makanan		0.836	
	EK4	Ancaman kos input pekerjaan (utama/ sampingan) meningkat		0.747	
	EK5	Ancaman pelaksanaan GST bagi kos pengeluaran/pekerjaan (R)		0.780	
	EK6	Ancaman kekurangan modal bagi mengembangkan pekerjaan	0.751		
	EK7	Ancaman kerosakan peralatan pekerjaan (utama/sampingan) yang kerap	0.669		
	EK8	Ancaman kesukaran memasarkan/ mempromosikan barangan	0.846		
	EK9	Ancaman persaingan dalam pekerjaan/ perniagaan	0.782		
	EK10	Ancaman kesukaran membayar semula pinjaman (kewangan/bukan kewangan)	0.620		
Sosial/ fizikal	SF1	Sikap rendah diri dan motivasi diri dalam melaksanakan pekerjaan (utama/sampingan)	0.606		
	SF2	Ancaman emosi (R) berpunca daripada masalah keluarga	0.830		
	SF3	Masalah kejiiran/masyarakat	0.824		
	SF4	Ancaman kesihatan yang menjejaskan pekerjaan (utama/sampingan)	0.733		
	SF5	Ancaman jenayah (seperti kecurian dan penagihan dadah) di kawasan penempatan/ pekerjaan	0.779		
	SF6	Ancaman kemudahan asas yang tidak lengkap dan mencukupi	0.696		
Alam sekitar	AS1	Ancaman cuaca (ribut, kemarau, tengkujuh) yang menjejaskan hasil pendapatan (R)	0.744		
	AS2	Ancaman banjir di kawasan penempatan (R)	0.776		
	AS3	Ancaman serangan penyakit tanaman/ternakan bagi pengeluaran tanaman/ternakan	0.850		
	AS4	Ancaman alam sekitar yang mengganggu aktiviti harian (R) dan keluarga	0.859		

Nota: R - responden

Analisis Kebolehpercayaan

Secara keseluruhannya, nilai Cronbach's alpha bagi kemudahterancaman ekonomi, sosial/fizikal dan alam sekitar melebihi 0.6 dan boleh diterima dalam menentukan kebolehpercayaan (Sekaran dan Bougie 2009). Merujuk Jadual 8, nilai Cronbach's alpha bagi faktor kemudahterancaman ekonomi bagi komponen 1 iaitu EK1 dan EK2 (0.933), komponen 2 iaitu EK3, EK4 dan EK5 (0.785), manakala komponen 3 iaitu EK6, EK7, EK8, EK9 dan EK10 (0.836). Nilai Cronbach's alpha bagi faktor kemudahterancaman sosial/fizikal ialah 0.839 dan nilai bagi faktor kemudahterancaman alam sekitar ialah 0.823.

Jadual 8: Nilai kebolehpercayaan faktor kemudahterancaman ekonomi, sosial/fizikal dan alam sekitar bagi isi rumah B40 di WKS

Faktor	Subfaktor	Kod	Item	Cronbach's alpha
Ekonomi	Kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan	EK1	Ancaman kehilangan pekerjaan (utama/sampingan)	0.933
		EK2	Ancaman kehilangan punca pendapatan	
	Kenaikan harga dan kos pengeluaran	EK3	Ancaman kenaikan harga barang keperluan asas/makanan	0.785
		EK4	Ancaman kos input pekerjaan (utama/sampingan) meningkat	
		EK5	Ancaman pelaksanaan GST bagi kos pengeluaran/pekerjaan (R)	
	Kekurangan modal dan pemasaran	EK6	Ancaman kekurangan modal bagi mengembangkan pekerjaan	0.836
		EK7	Ancaman kerosakan peralatan pekerjaan (utama/sampingan) yang kerap	
		EK8	Ancaman kesukaran memasarkan/mempromosikan barangan	
		EK9	Ancaman persaingan dalam pekerjaan/perniagaan	
		EK10	Ancaman kesukaran membayar semula pinjaman (kewangan/bukan kewangan)	
Sosial/fizikal	SF1	Sikap rendah diri dan motivasi diri dalam melaksanakan pekerjaan (utama/sampingan)	0.839	
	SF2	Ancaman emosi (R) berpunca daripada masalah keluarga		
	SF3	Masalah kejiranan/masyarakat		
	SF4	Ancaman kesihatan yang menjejaskan pekerjaan (utama/sampingan)		
	SF5	Ancaman jenayah (seperti kecurian dan penagihan dadah) di kawasan penempatan/pekerjaan		
	SF6	Ancaman kemudahan asas yang tidak lengkap dan mencukupi		

(Bersambung)

Jadual 8: (Sambungan)

Faktor	Subfaktor	Kod	Item	Cronbach's alpha
Alam sekitar		AS1	Ancaman cuaca (ribut, kemarau, tengkujuh) yang menjejaskan hasil pendapatan (R)	0.823
		AS2	Ancaman banjir di kawasan penempatan (R)	
		AS3	Ancaman serangan penyakit tanaman/ternakan bagi pengeluaran tanaman/ternakan	
		AS4	Ancaman alam sekitar yang mengganggu aktiviti harian (R) dan keluarga	

Nota: R - responden

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Isi rumah B40 di WKS berhadapan dengan kemudahterancaman multidimensi daripada aspek kemudahterancaman ekonomi, sosial/fizikal dan alam sekitar. Kemudahterancaman ekonomi ditentukan oleh tiga komponen faktor iaitu kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan, kenaikan harga dan kos pengeluaran serta kekurangan modal dan pemasaran. Manakala kemudahterancaman sosial/fizikal dan alam sekitar dijelaskan oleh satu komponen faktor sahaja iaitu sosial/fizikal dan alam sekitar, masing-masing. Semua item diterima sebagai penentu kepada kemudahterancaman multidimensi. Ujian KMO bagi ketiga-tiga faktor kemudahterancaman multidimensi adalah melebihi 0.7 dan hasil ujian *Barlett's test of sphericity* adalah signifikan pada aras $p < 0.05$. Hasil analisis kebolehpercayaan mendapati nilai Cronbach's alpha adalah melebihi 0.6 dan kajian ini boleh diterima.

Terdapat cadangan mengurangkan ancaman bagi isi rumah B40 di WKS iaitu isi rumah perlu mempelbagaikan portfolio pendapatan dan tidak bergantung kepada satu sumber pendapatan sahaja. Di samping itu, ancaman perubahan persekitaran sukar dielakkan. Walau bagaimanapun, isi rumah boleh mengurangkan risiko dengan mengambil tindakan awal dan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga terhadap perubahan musim dan alam sekitar. Perubahan musim ini boleh dijangka kerana kerap berlaku pada waktu yang sama iaitu penghujung tahun disebabkan perubahan angin monsun. Tindakan awal dapat mengurangkan risiko kerugian dan pengurangan dalam pendapatan.

Pembatasan kajian ini dalam menghadkan kemudahterancaman multidimensi kepada aspek ekonomi, sosial/fizikal dan alam sekitar. Justeru, dicadangkan agar kajian ini boleh dibincangkan lagi oleh penyelidik baharu pada masa akan datang dengan menggunakan aspek kemudahterancaman multidimensi yang lain seperti kemudahterancaman kesihatan, pasaran, politik, demografi dan pertanian.

Responden kajian ini juga terhad kepada kumpulan B40 dan melibatkan kawasan luar bandar sahaja. Oleh itu, saranan kepada penyelidik akan datang ialah agar memperluas skop responden kajian kepada isi rumah berpendapatan pertengahan 40% (M40) dan isi rumah berpendapatan tertinggi 20% (T20) sebagai responden kajian. Pelaksanaan kajian juga boleh dikembangkan kepada isi rumah di kawasan bandar.

PENGHARGAAN

Penulis-penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah Geran Top Down (UKM-TD-2015-005) kerana membiayai kerja lapangan dan aktiviti penyelidikan berkaitan.

NOTA

1. BR1M atau Bantuan Rakyat 1Malaysia merupakan bantuan kewangan oleh kerajaan yang diterima oleh responden sewaktu kajian dilaksanakan (2018) dan pada tahun 2019 BR1M dikenali sebagai Bantuan Sara Hidup (BSH).

RUJUKAN

- Adger, W.N. 2006. Vulnerability. *Global Environmental Change* 16(3): 268–281. <https://doi.org/10.1016/j.gloenvcha.2006.02.006>
- Ahmad Zubir Ibrahim and C. Siwar. 2017. Kelestarian penghidupan petani luar bandar. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia. <https://doi.org/10.32890/9789672064176>
- Ahmad Zubir Ibrahim, Kalthum Hj Hassan, Roslina Kamaruddin and Abd Rahim Anuar. 2018. The level of livelihood assets ownership among vulnerability group in East Coast of Malaysia. *European Journal of Sustainable Development* 7(3): 157–161. <https://doi.org/10.14207/ejsd.2018.v7n3p157>
- Bebbington, A. 1999. A capitals and capabilities: A framework for analyzing peasant viability, rural livelihoods and poverty. *World Development* 27(12): 2021–2044. [https://doi.org/10.1016/S0305-750X\(99\)00104-7](https://doi.org/10.1016/S0305-750X(99)00104-7)
- Brave, H., Y.H. Maria. 2000. Wakiksuyapi: Carrying the historical trauma of the Lakota. *Tulane Studies in Social Welfare* 21(22): 245–266.
- Chambers, R., and G. Conway. 1992. *Sustainable rural livelihoods: Practical concepts for the 21st century*. IDS discussion paper 296. Brighton, UK: Institute of Development Studies.
- Chua, Y.P. 2009. *Statistik penyelidikan lanjutan: Ujian regresi, analisa faktor dan analisis SEM*. Vol. 5. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

- Creative Research Systems. n.d. Sample size calculator. <https://www.surveysystem.com/sscalc.htm> (accessed 20 October 2020).
- Department for International Development. 1999. *Sustainable livelihoods and poverty elimination*. UK: Department for International Development.
- Devereux, S., B. Baulch, A. Phir and R.S. Wheeler. 2006. Vulnerability to chronic poverty and malnutrition. A report for DFID Malawi. https://www.ids.ac.uk/download.php?file=files/MalawiVulnerabilityReport_Final.pdf (accessed 17 April 2017).
- Fauzi Hussin, Jamal Ali and Mohd Saifoul Zamzurinoor. 2014. *Kaedah penyelidikan & analisis data SPSS*. Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia. <https://doi.org/10.32890/9789670474670>
- Gorard, S. 2003. *Quantitative methods in social science*. London: Continuum.
- Hair J.F., W.C. Black, B.J. Babin and R.E. Anderson. 2010. *Multivariate data analysis: A global perspective*. 7th ed. New Jersey: Pearson Educational Inc.
- _____. 2014. *Multivariate data analysis*. 7th ed. USA: Pearson New International Edition.
- Henninger, N. 1998. *Mapping and geographic analysis of human welfare and poverty review and assessment*. Washington: World Resources Institute.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2017. Siaran akhbar: Laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2016. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=bm5MMIdnTFEzb0k0TEwrdTdWb0ZjUT09> (accessed 31 May 2018).
- _____. 2019. Laporan survei pendapatan isi rumah dan kemudahan asas mengikut negeri dan daerah pentadbiran: Kelantan 2019. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1_Articles_By_Themes/Prices/HIES/HIS-Report/HIS_Kelantan.pdf (accessed 18 October 2020).
- _____. 2020. Laporan survei pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2019. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1_Articles_By_Themes/Prices/HIES/HIS-Report/HIS-Malaysia-.pdf (accessed 18 October 2020).
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. 2019. Bahagian Pembangunan Ekuiti – Briefing session with Kementerian Pendidikan Malaysia: Klasifikasi pendapatan isi rumah Malaysia, Bahagian Pembangunan Ekuiti, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. 19 March.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar. 2018. Data asas KPLB suku pertama 2018. <https://www.rurallink.gov.my/data-asas-kplb/> (accessed 30 May 2019).
- KESEDAR. 2013. *Laporan akhir pelan strategik KESEDAR dalam hala tuju baru Wilayah Kelantan Selatan 2030*. Kuala Lumpur: Akademi Aidit.
- Mohd Khairi Ismail, C. Siwar, Rospidah Ghazali, Nor Zuriati Amani Ab Rani and Basri Abdul Talib. 2019. The analysis of vulnerability faced by Gahai Agropolitan Participants. *Planning Malaysia* 17(10). <https://doi.org/10.21837/pmjournal.v17.i10.645>
- Mohd Shaffie Abu Bakar. 1995. *Metodologi penyelidikan*. 2nd ed. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moser, C. 1998. The asset vulnerability framework: Reassessing urban poverty reduction strategies. *World Development* 26(1): 1–19. [https://doi.org/10.1016/S0305-750X\(97\)10015-8](https://doi.org/10.1016/S0305-750X(97)10015-8)

- Moser, C. and C. McIlwaine . 1997. *Household responses to poverty and vulnerability. Confronting crisis in Commonwealth, Metro Manila, the Philippines urban management program policy paper No.23, Volume 3*. Washington D.C.: World Bank.
- Muhammad Yasar, C. Siwar and Rospidah Ghazali. 2016. Analisis kemudahterancaman pesawah padi di kawasan pembangunan bersepadu Terengganu Utara, Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 50(2): 39–47. <https://doi.org/10.17576/JEM-2016-5002-04>
- Mustaffa Omar. 2016. Perbandingan indeks kelestarian hidup dan kemudahancaman komuniti minoriti Orang Asli di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space* 12(8): 34–47.
- Mustaffa Omar, Mohd Samsudin, Ishak Yussof and Sharina A. Halim. 2012. Kemudahterancaman dan kelestarian hidup komuniti luar bandar: Satu penelitian dari sudut kerangka kelestarian hidup. *Journal of Tropical Marine Ecosystem 2*: 71–82.
- Muyambo, F., A.J. Jordaan and Y.T. Bahta. 2017. Assessing social vulnerability to drought in South Africa: Policy implication for drought risk reduction. *Jamba: Journal of Disaster Risk Studies* 9(1): a326. <https://doi.org/10.4102/jamba.v9i1.326>
- Nathen, A.A., D.P. Selvaratnam and Norlaila Abu Bakar. 2011. Hubungan tingkat pendapatan dan kehidupan lestari: Kerangka konseptual. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI), Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Transformasi ke Arah Peningkatan Inovasi, Produktiviti dan Kualiti Hidup, Melaka. 5–7 June.
- Noremy Md Akhir, Azlinda Azman, Nazirah Hassan and Nur Hafizah Md Akhir. 2017. Kajian penelitian masalah mangsa bencana banjir Disember 2014 di Kelantan. *E-Bangi Journal* 12(3): 1–19.
- Nurul Ashikin Alias, C. Siwar, Mohd Khairi Ismail and Nor Diana Mohd Idris. 2018. Flood disaster management in Sungai Pahang basin: Case of Temerloh. *Improving Flood Management, Prediction and Monitoring* 20: 91–102. <https://doi.org/10.1108/S2040-726220180000020017>
- R.B. Radin Firdaus, Ahmad Zubir Ibrahim, C. Siwar and Abdul Hamid Jaafar. 2014. Penghidupan petani padi dalam mendepani cabaran perubahan iklim: Peranan intervensi kerajaan menerusi skim subsidi harga padi (SSHP). *Kajian Malaysia* 32(2): 73–92.
- Rospidah Ghazali. 2017. *Keterangkuman dan masyarakat saksama: Multidimensi kemudahterancaman isi rumah B40 dalam buku memperkasa sosioekonomi kelompok B40 mendepani arus perdana*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Scoones, I. 1998. *Sustainable rural livelihoods: A framework for analysis*. IDS working paper 72. Brighton, UK: Institute of Development Studies.
- Sekaran, U. and R. Bougie. 2009. *Research methods for business: A skill building approach*. 5th ed. West Sussex: John Wiley & Sons Ltd.
- Serrat, O. 2008. The sustainable livelihoods approach. Knowledge Solution & Asian Development Bank. <https://www.adb.org/sites/default/files/publication/27638/sustainable-livelihoods-approach.pdf> (accessed 10 June 2018).

- Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka bentuk penyelidikan falsafah: Teori dan praktis*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Singh, P., Puzziawati Abdul Ghani and S.H. Teoh. 2009. *Quantitative data analysis for novice researchers*. Kuala Lumpur: Primera Publishing.
- Tabachnick, B.G. and L.S. Fidell. 2007. *Using multivariate statistics*. Boston: Pearson Education.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Nor Hayati Sa'at, Sabri Ahmad and Ibrahim Mamat. 2015. Penggunaan analisis faktor bagi kajian hubungan antara faktor-faktor peramal dengan kecenderungan pelajar menceburi kerjaya keusahawanan. *International Journal of Business and Technopreneurship* 5(2): 293–306. <https://doi.org/10.11113/sh.v8n1.697>
- Yong, A.G. and S. Pearce. 2013. A beginner's guide to factor analysis: Focusing on exploratory factor analysis. *Tutorials in Quantitative Methods for Psychology* 9(2): 79–94. <https://doi.org/10.20982/tqmp.09.2p079>
- Zainudin Awang. 2012. *Structural equation model using AMOS graphic*. Selangor: Penerbit Universiti Teknologi MARA.
- _____. 2018. *Pendekatan mudah Structural Equation Modelling (SEM)*. Selangor: MPWS Rich Resources.